

**LAPORAN AKTIVITI / PROGRAM UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KERAJAAN ELEKTRONIK,  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN BAGI TAHUN 2017**

---

1. **Tajuk Aktiviti / Program** : Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)

2. **Tarikh & Tempat** :

**a) Latihan Sistem National Cyber Coordination And Command Centre (NC4)  
dan Persediaan Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)**

Lokasi : National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)

Tarikh : Siri 4 ( 29 November hingga 1 Disember 2016 )

Siri 6 ( 16 hingga 18 Januari 2017)

*Latihan ini bertujuan untuk memperkenalkan serta memberi latihan berhubung penggunaan sistem NC4 yang dikuatkuasakan penggunaannya pada tahun 2017 serta akan digunakan untuk diuji keberkesanan sistem pada simulasi X-Maya 6*

**b) Taklimat Akhir & Penyerahan Thumbkit Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-MAYA 6)**

Lokasi : Kompleks JPM, Putrajaya

Tarikh : 16 Februari 2017

*Taklimat ini bertujuan sebagai persediaan dalam melaksanakan konfigurasi dan keperluan-keperluan lain syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh agensi dalam X-Maya 6.*

**c) Pelaksanaan Pengujian Komunikasi (Communication Check) Untuk Latih  
Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)**

Lokasi : UTMKE, Ibu Pejabat Laut

Tarikh : 23 Februari 2017

*Sesi ini bertujuan untuk menguji komunikasi (communication check) antara Excon, NC4 dan UTMKE yang melibatkan ujian pada emel, Microsoft Teams Test (Communication Application), NC4 Portal CE Login Test & Incident Management Tab, Virtual Machine Image & Communication Test, Scenario Files Verification, Skype Meeting Broadcast, Phone no. validation dan Skype For Business Video Conferencing Test.*

**d) Drill Day X-Maya 6**

Lokasi : Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat Laut  
Tarikh : 7 Mac 2017

*X-Maya 6 telah dijalankan dan UTMKE telah menerima dua (2) insiden untuk diselesaikan. Sistem NC4 modul latihan digunakan sebagai satu kaedah untuk berkomunikasi diantara ketua sektor dan agensi di bawah CNII.*

**e) Sesi Debrief Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)**

Lokasi : Auditorium JPM, Kompleks JPM, Putrajaya  
Tarikh : 8 Mac 2017

*Hasil daripada X-Maya mendapati hanya 4 agensi 100% Berjaya menyelesaikan bagi scenario **Ransomware** dan 16 agensi berjaya menyelesaikan senario 2 **Watering Hole Attack**.*

**f) Majlis Perasmian Penutup X-Maya 6**

Lokasi : Pusat Konvesnyen Antarabangsa Putrajaya  
Tarikh : 9 Mac 2017

**3. Anjuran** : Majlis Keselamatan Negara,  
Jabatan Perdana Menteri

**4. Ringkasan Aktiviti / Program :**

Latih amal krisis siber merupakan satu program yang diadakan bagi mengenalpasti tahap kesediaan dan kesiapsiagaan organisasi serta agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) dalam menghadapi pelbagai ancaman dan serangan siber. Latihan ini juga secara khusus bertujuan untuk menguji keberkesanan, mengenalpasti jurang serta menambahbaik Prosedur Komunikasi, Tindak balas dan Penyelarasan Pengurusan Krisis Siber Negara.

Pada tahun ini, sebanyak sembilan puluh dua (92) agensi iaitu empat puluh enam (46) agensi awam dan empat puluh enam (46) agensi swasta diseluruh Negara menyertai latih amal ini. Bagi Sektor Pengangkutan ia disertai oleh 8 agensi iaitu Kementerian Pengangkutan (*Ketua Sektor*), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan pengangkutan Jalan, Air Ais Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Lembaga Pelabuhan Klang , MAS Berhad dan Northport (Malaysia) Berhad.

Penyertaan Jabatan Laut Malaysia bagi X-Maya 6 ini telah melibatkan seramai sembilan (9) orang keseluruhannya yang terdiri daripada lima (5) kakitangan UTMKE Ibu Pejabat Laut iaitu :

1. Pn. Nasra Binti Zainuddin
2. En. Valerian Shem Donggot
3. En. Azizul Halimi Bin Husain
4. En. Zainal Fitri Bin Zainal
5. En. Farid Bin Musleh

Ia turut disertai oleh dua (2) kakitangan Lembaga Pelabuhan Bintulu dan dua (2) kakitangan MIROS.

#### 5. Hasil Latih Amal Krisi Siber Negara 2017

Di dalam X-Maya 6 pada kali ini, Jabatan Laut Malaysia telah diberi dua (2) senario iaitu *Ransomware* dan *Watering Hole Attack*.

Hasil daripada latih amal ini, UTMKE dapat menguji keberkesanan prosedur-prosedur dalaman yang telah sedia ada digunapakai di jabatan. Selain itu juga, UTMKE seterusnya dapat menguji tahap kesediaan dan kesiapsiagaan kakitangan yang terlibat seperti dari segi pengetahuan atau penggunaan perisian dalam menghadapi insiden-insiden dan serangan siber.

Dengan wujudnya Portal NC4, UTMKE dapat berkomunikasi bukan sahaja dengan ketua sektor akan tetapi dengan kesemua agensi yang didaftarkan di dalam CNII serta Majlis Keselamatan Negara dalam perkongsian maklumat dan strategi untuk menghadapi ancaman dan serangan siber

Laporan Disediakan Oleh:  
**(ZAINAL FITRI BIN ZAINAL)**  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik  
10 April 2017

## Drill Day X-Maya 6





## Sesi Debrief Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)



## Majlis Perasmian Penutup X-Maya 6





MAJLIS KESELAMATAN NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

## SIJIL PENGHARGAAN

*Majlis Keselamatan Negara  
mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada*

**JABATAN LAUT MALAYSIA**

*atas penglibatan dalam*

**LATIH AMAL KRISIS SIBER NEGARA 2017  
(X-MAYA 6)**



*Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin  
Ketua Pengarah Keselamatan Negara  
Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri*